

Akidah: Peranan dan Kepentingannya dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga

Asming Yalawae¹
Mustafa ‘Afifi Ab. Halim²
Wan Abdul Fattah Wan Ismail³

Abstrak

Akidah merupakan asas penting yang perlu ada bagi diri setiap insan yang bergelar Muslim. Tanpa akidah yang mantap dan jitu, hilanglah keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat, lahirlah kekacauan dalam kehidupan seharian, kehidupan tidak akan mendapat ketenangan dan akan terputus hubungan sesama manusia. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji peranan akidah dalam membentuk kebahagiaan kehidupan berkeluarga. Dewasa ini, banyak kes-kes penceraian dan keretakan rumahtangga yang berlaku dan terdapat juga isu-isu yang timbul dalam kehidupan rumahtangga yang mana menjadi punca kehancuran atau hilangnya kebahagiaan sesebuah kehidupan berkeluarga. Terdapat pelbagai punca berlakunya penceraian atau keretakan rumahtangga dan antara punca penyumbang kepada keadaan ini adalah disebabkan rapuhnya akidah umat Islam di alaf ini. Artikel ini akan mengutarakan perbincangan berkenaan definisi tajuk yang berkaitan di samping mengkaji kepentingan akidah dalam kehidupan manusia khususnya dalam aspek kehidupan rumahtangga yang mana akidah dilihat dapat mencetus kebahagiaan sesebuah keluarga.

Kata Kunci: akidah, syariah, keluarga, nilai moral.

Islamic Creed: Its Function and Importance in Preserving a Harmonious Family

Abstract

Creed is an important pillar for each and every Muslims. Without strong creed, there will be lost in the balance of social life, the existence of chaos in daily life, no wisdom in life and there will be no sweet

¹ Asming Yalawae, Ph.D, Pensyarah di Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: asming@usim.edu.my.

² Mustafa ‘Afifi Ab. Halim, M.A., Pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: afifi@usim.edu.my.

³ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ph.D, Pensyarah di Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: wanfattah@usim.edu.my.

relationship among society. Nowadays, there are lots of divorce cases and a numbers of families who do not live in amity. There are a lot of reasons for this matter but one of it, is because the lack of faith in human life. This article will discuss the definition of related topics and also to know how far the role of akidah in creating harmonies in family institution's life where the faith seems to be the right guidance in order to bring happiness to Muslim families. In addition, this paper will also discuss the importance of faith in human's life.

Keywords: *Islamic creed, shariah, family, moral value.*

Pendahuluan

Al-Sayyid Sābiq⁴ menyatakan bahawa akidah dan syariah adalah perkara yang saling mempunyai ikatan di antara satu sama lain, seumpama ikatan buah dengan pokoknya, sebab dan musabbab, seterusnya kesimpulan dengan pendahuluan.

Sesungguhnya masyarakat manusia memerlukan kepada akidah atau tauhid yang merupakan dasar penting agar dapat menyusuri kehidupan, melaluinya ia dapat mengimplementasikan segala urusan hidup manusia, jika ianya hilang maka salah satu daripada unsur-unsur tersebut tidak lagi sempurna, malah hilanglah keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat, lahirlah kekacauan dalam kehidupan seharian, tidak memperolehi ketenangan hidup akibatnya, tidak ada matlamat untuk masa hadapan walaupun berusaha menuju ke arahnya, tidak ada identiti yang dapat dikenali, sehingga membawa kepada terputusnya hubungan sesama masyarakat, terutama hubungan sesama manusia.⁵ Inilah kesan-kesan yang akan muncul apabila masyarakat mengabaikan akidah dalam kehidupan.

Ekoran dari itu maka timbullah komplikasi yang menjadikan penduduk dalam sesebuah masyarakat itu terasing dan terencil di antara satu sama lain, bahkan seseorang itu tidak lagi merasai hubungan kekeluargaan di antara satu sama lain, sehingga tidak merasai serendah-rendah perasaan yang dapat mengembangkan perasaan ukhuwwah insaniah ke dalam masyarakat, sedangkan ia juga seorang daripada anggota masyarakat tersebut. Kesemua ini adalah berpunca daripada unsur tauhid atau akidah yang telah lenyap dalam dirinya. Tidak ada lagi kesan tauhid dalam diri

⁴ Al-Sayyid Sābiq, *Al-Aqā'id al-Islāmiyyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1983), 7.

⁵ Muhammad Shāmat, *Al-Islām Dīn wa Dunyā* (Cairo: t.p., 1988), 128.

mereka, bahkan impaknya yang paling ketara, tidak ada langsung di dalam kehidupan mereka.⁶ Betapa bahayanya hidup tanpa akidah. Segala ibadat yang dilakukan akan ditolak oleh Allah SWT. Bahkan menjadi penghuni neraka buat selama-lamanya.

Muhammad Shāmat selanjutnya menegaskan bahawa akidah merupakan suatu perkara yang penting dan utama. Ianya ibarat daging dalam kehidupan masyarakat atau rukun utama yang dapat mengumpulkan dan menyatu padu pelbagai umat manusia.⁷ Bahkan ianya juga merupakan pusat atau pendahuluan daripada segala-galanya. Inilah keutamaan akidah dalam kehidupan.

Sesungguhnya manusia adalah hamba Allah SWT yang Maha Esa. Seseorang tidak akan menjadi sebenar-benar hamba Allah SWT yang Maha Agung kecuali apabila dapat mengerti dan memahami secara mendalam kalimah *lā ilāh illa Allāh* yang bermaksud: tidak ada Tuhan selain Allah SWT, tidak ada syariat kecuali datang daripadanya, tidak ada kekuasaan selain kekuasaannya, segala kekuasaan adalah milik mutlak Allah SWT yang Maha Agung dan Gagah.

Akidah merupakan satu elemen yang dikehendaki oleh Islam sebagaimana ia dapat menyamakan dan menyatukan orang Arab, Roman, Parsi, dan keturunan lain yang berbeza warna kulit di bawah satu naungan dan kekuasaan Allah SWT.⁸

Sebaliknya kehidupan tanpa akidah seumpama kehidupan binatang di mana ia hanya memikirkan untuk memenuhi isi perut dan melepaskan keinginan hawa nafsu liar semata-mata. Oleh kerana akidah yang membezakan antara kehidupan manusia dan haiwan, maka, bertitik tolak dari inilah Allah SWT mengutuskan para nabi untuk membuat pembetulan dan perubahan terhadap anasir yang tidak benar dalam melaksanakan ibadat kepada Allah SWT. Para anbiya' telah berjaya mendidik kaum mereka dengan didikan agama setelah mengadakan perbincangan, dialog bersama sehingga tanggapan mereka berubah menjadi tanggapan yang benar dalam melakukan ibadat terhadap Tuhan dengan menjauhkan syirik, kekufuran dan kesesatan.⁹

⁶ Muhammad Shāmat, *Al-Islām Dīn wa Dunyā*, 128.

⁷ Muhammad Shāmat, *Al-Islām Dīn wa Dunyā*, 128.

⁸ Muhammad Shāmat, *Al-Islām Dīn wa Dunyā*, 128.

⁹ Muhammad Shāmat, *Al-Islām Dīn wa Dunyā*, 128.

Allah SWT telah memberitahu kepada RasulNya, Muhammad SAW dan kepada sekalian Rasul bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah SWT sebagaimana firmanNya:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ

Terjemahan: Dan tidak Kami utus sebelummu seorang Rasul melainkan Kami mewahyukan kepadanya bahawa tidak ada Tuhan yang sebenar melainkan Aku, oleh itu sembahlah Aku.

Al-Anbiyā' 21:25

Ketika mentafsir ayat ini al-Qurtubī ada menegaskan:¹⁰ Tidak diutuskan nabi kecuali untuk mengesakan Allah SWT melalui sekalian syariat sama ada dalam kitab Taurat, Injil, dan al-Qur'an, semuanya tunduk ikhlas kepada Allah SWT.

Berkaitan dengan akidah atau pegangan, umat Islam boleh membuat renungan terhadap bangsa Jepun. Ketamadunan Jepun dibina di atas satu pegangan yang kuat dikenali sebagai "Kaizer." Mereka tidak menjadi "Pak Turut" semata-mata, atau dalam erti kata lain, bangsa Jepun tidak mengikut secara membuta tuli semata-mata, tetapi mereka sangat berpegang dengan suatu pegangan serta memelihara ketamadunan mereka. Justeru itu, antara usaha mereka ialah berusaha dengan seriusnya membasmi kadar buta huruf dalam kalangan bangsa mereka semenjak penghujung abad yang telah lalu.¹¹ Hasilnya mereka maju dari segi ilmu sains dan teknologi, bahkan menjadi sebuah negara besar dari segi ekonomi pada hari ini.

Itulah kelebihan dan kekuatan suatu pegangan yang mampu menjaga serta memelihara tamadun dan memajukannya dengan acuan sendiri. Bagaimanakah kemajuan dapat dicapai jika tidak berpegang dengan pegangan akidah yang kukuh serta memelihara ketamadunan sendiri, lebih-lebih lagi sentiasa mengharapkan kemajuan melalui acuan orang lain? Adakah bangunan yang dibangunkan itu dapat ditegakkan dengan baik jika tidak

¹⁰ Abū al-Walīd al-Qurtubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an al-Karīm* (Beirut: Dār Ihyā' at-Turath al-'Arabī, 1966), 6:286.

¹¹ Mahdi al-Munjarah, *Al-Ḥarb al-Ḥaḍāriyyah al-Ūlā* (Casablanca: Mansyurāt Uyun al-Maqālāt, t.t.), 38.

mempunyai asas yang kukuh? Asas pembangunan insan ialah akidah.

Ciri-ciri Keteguhan Akidah yang Mendorong Kebahagiaan Rumahtangga

Seseorang manusia itu bila diserapi oleh akidah Islamiyyah yang *sahih*, kuat dan teguh, ia akan menjadikan seseorang itu bersikap baik serta tidak lagi melakukan penyelewengan terhadap perintah Allah SWT. Apabila seseorang itu tidak menyalahi perintah Allah SWT, sudah tentu apa-apa kerja yang akan dilakukan lebih-lebih lagi soal mendirikan rumahtangga akan merasai ketenteraman, keharmonian dan kebahagiaan. Antara ciri-ciri yang terhasil daripada keteguhan akidah terhadap diri seseorang adalah seperti berikut:

1. Berakhlak Baik

Sesungguhnya Rasulullah SAW dibangkitkan oleh Allah SWT kepada umat ini selain daripada menyeru umat kepada mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata, juga diutuskan untuk memperbaiki akhlak umat ini. Rasulullah SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Abū Dawūd yang bermaksud: sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak.

Dari hadith ini jelas bahawa akhlak merupakan suatu perkara yang penting dalam kehidupan manusia bahkan kemuliaan dan penghormatan satu-satu bangsa adalah kerana akhlaknya.

Rasulullah SAW adalah seorang yang mempunyai kedudukan akhlak yang tinggi sehingga Allah SWT memuji beliau dalam al-Qur'an al-Karīm:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Terjemahan: Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung.

Al-Qalam 68:4

Berkata al-Ṭabarī: Allah SWT memuji ketinggian adab dan budi pekerti Rasulullah SAW.

Sesungguhnya adab yang baik serta bermoral tinggi merupakan “gedung simpanan rahsia agama.” Ini terbukti dari

hadith Rasulullah SAW. juga yang diriwayatkan oleh al-Hākim yang bermaksud:

Moral adalah gedung rahsia agama. Dengan ini akhlak merupakan suatu rahsia agama. Lantaran itu mereka yang berakhlak mulia bererti ia memahami agama serta menghayati ajarannya.

Akhlak adalah asas dalam memperbaiki tingkah laku, adab dan kesempurnaan peribadi, membina diri dan merupakan ciri penting bagi seseorang untuk mendapatkan hidayah dari Allah SWT.

Walau bagaimanapun satu soalan yang sering dibangkitkan ialah: Dari manakah datangnya akhlak yang baik itu? Sudah tentu akidah merupakan sumber akhlak dan budi pekerti seseorang Islam, ia juga sumber bagi setiap apa yang dilakukan diasaskan dengan kalimah “*Lā Ilaha Illa Allāh*” di dalam hati. Mereka yang melafazkan dengan lafaz tersebut dengan keimanan yang sebenar-benarnya bahawa tidak ada kekuatan seorang pun ke atasnya kecuali Allah SWT. Ia tidak tunduk kepada seseorang yang zalim, tidak kepada orang kafir, tidak redha terhadap fasik, dan tidak menolong orang menderhaka kepada Allah SWT. Tidak melakukan sesuatu kecuali kerana Allah SWT, tidak marah kecuali kerana Allah SWT semata-mata. Wahbah al-Zuhaylī menggariskan antara ciri-ciri akhlak yang baik adalah seperti berikut:¹²

1. Benar dan jelas dalam pertuturan
2. Beramanah
3. Bersemangat dan bercita-cita tinggi
4. Memelihara lidah
5. Membersihkan diri dari hasad dengki dan dendam.

Rasulullah SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Ibn Majah yang bermaksud: “*Muliakanlah anak-anak kamu, perbaikilah adab-adab mereka. Keberkatan akhlak yang baik membuatkan manusia panjang usia serta mendorongnya untuk melakukan segala kebaikan, ia juga dapat menolong untuk menyempurnakan agama, maruah dan keperibadian.*”

Dengan akhlak yang baik ini dapat menenangkan hati seorang mukmin, mententeramkan diri, merehatkan otak, serta berketetapan dalam prinsip kehidupan yang benar.

¹² Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Usrah al-Muslimah fī al-'Ālam al-Mu'āṣir*.

Dengan berteraskan kepada akhlak yang baik akan mewujudkan sebuah keluarga yang tenang dan tenteram serta harmoni melalui penghormatan atau pelaksanaan hak dan tanggungjawab di antara pasangan suami isteri itu.

Begitulah pentingnya akhlak dalam membangunkan sebuah institusi kekeluargaan. Malah akhlak yang buruk itu selain dari meruntuhkan diri sendiri juga turut meruntuhkan sebuah keluarga.

Justeru itu, tidak ragu lagi bahawa ketenangan serta kebahagiaan keluarga merupakan cita-cita setiap insan dalam kehidupan ini. Maka sejauhmana akhlak dapat diimplementasikan ke dalam keluarga maka sejauh itulah kebahagiaan, ketenangan, keharmonian, akan terserlah. Inilah kesan akidah dalam membahagiakan rumahtangga seseorang Islam.

2. Melahirkan Pengorbanan

Akidah yang mantap, keimanan yang kuat dapat menjadikan seorang itu pemurah dan bersikap pemberi tanpa menunggu manfaat atau *maslahat* dari keduniaan. Dalam erti kata lain tidak ingin memperolehi nikmat dengan segera di dunia ini. Ini kerana tujuannya adalah semata-mata untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

Apabila seseorang itu benar-benar tulus dalam mempraktikkan syariat Islam dalam kehidupan, mereka tidak merasa lemah lagi dan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk melakukan sesuatu di dunia ini sekalipun terpaksa mengorbankan setiap apa yang dimiliki dalam kehidupan ini. Mereka berjihad pada jalan Allah SWT dengan hartanya, dan dirinya, semata-mata dengan tulus serta ikhlas terhadap Allah SWT. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا
وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ
الصَّادِقُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah SWT dan Rasulnya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah SWT. Mereka itulah orang-orang yang benar.

Al-Hujurāt 49:15

Ketika mentafsirkan ayat ini Ibn Kathīr ada menegaskan: Orang-orang mukmin yang sempurna keimanannya, tidak syak dan ragu-ragu, bahkan tetap di atas kebenarannya semata-mata. Mereka mengorbankan tenaga dan harta demi ketaatan kepada Allah SWT dan keredhaannya. Mereka itulah benar-benar mukmin.¹³

Dengan ini mereka yang memelihara keimanannya terhadap Allah SWT, tidak melakukan sesuatu perkara hanya untuk mendapat balasan dunia, dan tidak menunggu di sebalik keimanannya itu kemudahan dalam kehidupan ini. Bahkan sentiasa bertekad akan menghadapi pelbagai cabaran demi melaksanakan apa yang disuruh oleh Allah SWT. Dengan ini mereka akan memperolehi janji Allah SWT dengan balasan yang baik serta besar di akhirat nanti.

Melalui keteguhan akidah dapat melahirkan seseorang bersikap suka berkorban kerana Allah SWT. Jika seseorang itu bersikap demikian dalam kehidupan rumahtangga mereka, maka sudah tentu kehidupan rumahtangga tersebut akan menciptakan suasana yang tenteram, bahagia dan harmoni. Kerana mendirikan rumahtangga itu sangat memerlukan kepada pengorbanan di antara suami dan isteri. Dengan ini akidah mempunyai peranan dan kaitan yang rapat dalam membahagiakan keluarga.

3. Berperikemanusiaan

Kesan keteguhan akidah juga dapat menjadikan seseorang itu berperikemanusiaan atau berbuat baik dalam pergaulan dengan sanak saudara dan kaum keluarga. Allah SWT menyuruh umatnya supaya berbuat baik terhadap kedua ibu-bapa lebih dari yang lain kerana kedua ibu-bapalah yang berperanan dalam kehidupan mereka, bahkan sebab kelahiran mereka di dunia. Allah SWT berfirman:

¹³ Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm* (Beirut: Dār al-Fikr, 1992), 4:0.

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۗ إِمَّا
يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا
أُفٍّ وَلَا تَنْهَرَهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Terjemahan: Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia. Dan hendaklah kamu berbuat baik terhadap kedua ibu bapa kamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang daripada keduanya atau keduanya sampai kepada umur yang telah lanjut dalam pemeliharaanmu, maka jangan sekali-kali kamu mengatakan kepada keduanya perkataan “ah” dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapilah kepada mereka perkataan yang mulia.

Al-Isrā’ 17:23

Berkata ‘Alī al-Ṣābūnī:¹⁴ “Para ahli tafsir mengatakan bahawa Allah SWT mengaitkan ibadat kepadaNya dengan berbuat baik terhadap kedua ibu bapa untuk menunjukkan hak mereka berdua yang besar terhadap anak.” Ini kerana mereka berdua adalah merupakan sebab zahir bagi kewujudan anak serta dapat meneruskan kehidupan. Oleh kerana ihsan atau kebaikan kedua ibu-bapa itu terhadap anak sangat besar, maka wajib ke atas anak-anak berbuat baik terhadap kedua ibu-bapa seperti itu juga.

Dengan ini, wajib ke atas orang mukmin untuk berusaha menjaga kedua ibu-bapa dengan baik, elak daripada membuatkan mereka berdua berasa sedih dan tidak wajar bagi si anak keberatan untuk menjaga mereka berdua.

Bila perasaan berperikemanusiaan bertapak dalam diri seseorang sudah tentu akan melahirkan perasaan saling menghormati serta menyayangi di antara satu sama lain, lebih-lebih lagi dalam kehidupan keluarga apabila suami isteri saling memahami serta bertolak ansur terhadap satu sama lain, sudah tentu keharmonian rumahtangga akan meningkat serta ketenteraman akan terus terpujuk. Inilah kelebihan

¹⁴ ‘Alī al-Ṣābūnī, *Ṣafwat al-Tafāsīr* (Cairo: Dār al-Ṣābūnī, 1997), 2:145.

berperikemanusiaan dalam rumahtangga yang lahir dari kesan akidah yang benar.

4. Lemah Lembut serta Berkeperihatinan

Kesan iman dalam diri seseorang dapat mendorongnya kepada suka melakukan kebaikan terhadap orang lain sama ada kaum kerabat atau tidak, kepada jiran atau bukan jiran. Allah SWT berfirman:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا^ط وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا
وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ

Terjemahan: Sembahlah Allah SWT dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatupun. Dan berbuat baiklah terhadap dua ibu-bapa, kerabat karib anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran yang dekat atau yang jauh, teman sejawat, dan ibnu sabil.

Al-Nisā 4:36

Golongan pertama yang memerlukan layanan lemah lembut dan keperihatinan selain dari kedua ibu bapa dan anak ialah isteri. Ini kerana isteri sentiasa berada bersamanya dalam kehidupan rumahtangga, bahkan ia merupakan penenang kepada suami. Firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً^ج إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ
يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah, Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya. Dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

Al-Rūm 30:21

‘Alī al-Ṣābūnī berkata:¹⁵ “Antara tanda yang menunjukkan kebesaran dan kesempurnaan kekuasaan Allah SWT ialah menciptakan wanita kepada kamu yang mana terdiri dari jenis kamu juga, bukan dari jenis yang lain. Dan jikalau Allah SWT menciptakan wanita dari jenis lain nescaya berlaku perselisihan dan tidak dapat menyesuaikan diri.”

Dengan ini Islam menyuruh umatnya supaya melakukan hubungan antara suami isteri dibina di atas pergaulan yang baik serta berlemah-lembut, memelihara hak dan tanggungjawab di antara satu sama lain. Jika kedua suami isteri mengikut apa yang diajarkan oleh Islam, nescaya kehidupan rumahtangga mereka berdua akan sentiasa tenang, tenteram dan harmoni. Bahkan dapat didirikan dengan tegak serta kukuh yang akan menyebabkan berlaku pergaulan yang baik terhadap sesama warga dari keluarga yang lain.

5. Bercakap Benar dan Melakukan Pekerjaan yang Baik

Sesungguhnya bercakap benar merupakan suatu sifat terpuji serta digalakkan dalam Islam. Bahkan ia merupakan sebaik-baik sifat manusia terhadap seorang insan. Justeru itu sesiapa yang benar pada percakapan dan perbuatan maka ia adalah seorang pengerak dalam membangunkan sebuah masyarakat insan yang sempurna. Kerana percakapan benar itu dapat menjadikan hidup berkat, dapat membaiki hubungan sesama masyarakat bahkan mengukuhkannya.

Islam menggalakkan percakapan benar serta menjelaskan bahawa mereka yang bersifat sedemikian akan dimasukkan oleh Allah SWT ke dalam syurgaNya. Firman Allah SWT:

¹⁵ Al-Ṣābūnī, *Ṣafwat al-Tafāsīr*, 2:145.

قَالَ اللَّهُ هَذَا يَوْمٌ يَنْفَعُ الصَّادِقِينَ صِدْقُهُمْ ۗ لَهُمْ جَنَّاتٌ
تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۗ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ
وَرَضُوا عَنْهُ ۗ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Terjemahan: Allah berfirman hari ini adalah hari yang bermanfaat bagi orang-orang yang benar akan kebenaran mereka. Bagi mereka syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah SWT redha terhadap mereka dan mereka pun redha terhadapnya. Itulah kejayaan yang paling besar.

Al-Mā'idah 5:119

Menurut al-Zamakhsharī:¹⁶ “Sesungguhnya Iblis sekalipun mereka benar dan beriman kepada Allah SWT di hari akhirat tetapi oleh kerana mereka tidak beriman kepada Allah SWT di dunia maka mereka tidak lagi mendapat manfaat dengan keimanan dan kebenarannya terhadap Allah SWT di akhirat.”

Manakala pekerjaan yang baik atau amal soleh kerap kali disebut dalam al-Qur'an. Antaranya gesaan Allah supaya umat manusia melakukannya dengan diberi balasan baik dari Allah SWT. Allah SWT berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ
وَأَتَوْا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ
وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang beriman serta mengerjakan amal salih, mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya dan mereka juga tidak takut serta bersedih hati.

Al-Baqarah 2:277

¹⁶ Mahmūd bin 'Umar bin Muḥammad al-Zamakhsharī, *Tafsīr al-Kashshāf* (Kaherah: Maktabah al-Halabī, 1972), 1:659.

Ketika mentafsirkan ayat ini, ‘Alī al-Ṣābūnī berkata:¹⁷ Orang-orang mukmin, mereka beriman kepada Allah SWT serta melakukan berbagai amal yang salih termasuk sembahyang dan mengeluarkan zakat. Maka bagi mereka balasan yang sempurna di dalam syurga, mereka tidak takut pada hari yang sangat susah, dan mereka juga tidak menyesal apa yang mereka luput dari dunia.

Allah SWT menyebut amal soleh beberapa kali dalam al-Qur’an ini jelas membuktikan bahawa pekerjaan yang baik atau amal salih itu sangat penting serta mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan manusia sama ada di dunia atau akhirat. Ini kerana iltizam seseorang dalam melakukan amal salih dengan sempurna menjadi baik terhadap kehidupannya di dunia ini atau di akhirat.

Adakah amal soleh ini hanya tertentu pada ibadat sahaja? Jawabnya: Tidak. Bukan amal salih itu dikhususkan kepada ibadat yang wajib atau sunat sahaja. Bahkan termasuk ibadat yang disifatkan sebagai dunia. Al-Qur’an ketika menyebut tentang amal salih tidak menentukan ia adalah ibadat sahaja, malah setiap pekerjaan yang baik serta dilakukan oleh manusia di dunia ini termasuk pertanian dan pertukangan. Petani yang bekerja dengan kemahirannya dalam sawah juga boleh dikatakan beramal salih jika dapat memberi faedah yang banyak terhadap dunia seperti menyelesaikan masalah kekurangan makanan dalam masyarakat. Dengan ini Allah SWT memberi ganjaran di akhirat di sebabkan beliau menolong manusia di dunia ini.

Begitu jugalah pekerjaan yang baik atau amal soleh termasuk percakapan yang benar, jika semua itu dapat dilaksanakan dalam kehidupan keluarga, iaitu suami sentiasa bercakap benar bersama isteri begitu juga isteri bersama suami. Dalam erti kata yang lain, perlakuan baik menjadikan suatu penghayatan dalam keluarga sudah tentu akan menjadikan keluarga harmomi dan tenteram. Percakapan yang benar dan perbuatan yang baik merupakan buahan dari keberkesanan akidah dalam jiwa seseorang. Dengan ini tidakkah akidah merupakan elemen terpenting dalam kehidupan manusia terutamanya keluarga? Kenapa kita tidak begitu mengambil berat terhadap akidah anak kita.

¹⁷ Al-Ṣābūnī, *Ṣafhat al-Tafāsīr*, 23.

6. Berfikiran Logik

Islam sangat memberi keutamaan terhadap akal, iaitu memberi kepentingan terhadapnya, membentuknya kemudian menunjukkan ke arah melakukan kebaikan di dunia yang terbentang luas ini, bahkan mendorong untuk mengkaji dan membuat penyelidikan di pelbagai bidang serta mencari dan menyelami rahsianya. Dengan ini, mereka yang menyelami untuk mencari rahsia kehidupan yang mana akhirnya akan sampai kepada peringkat mengenal Allah SWT, Pencipta alam ini serta Pentadbirnya. Dalam al-Qur'an al-Karim terdapat sebanyak 17 ayat yang menggalakkan manusia supaya berfikir terhadap dirinya dan kejadiannya. Semua ini dapat membuktikan bahawa kerja akal yang logik adalah berfikir sehingga mengenali Allah SWT, Pencipta makhluk ini. Antara firman Allah SWT yang menyeru manusia supaya berfikir, ialah ayat yang mengajak manusia memikirkan tentang ayat Allah SWT sepertimana firmanNya:

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: Demikian itu telah dinyatakan oleh Allah SWT akan ayat-ayatNya mudah-mudahan kamu berfikir.

Al-Baqarah 2:219

Tambahan dari itu, melalui akidah atau iman dapat memindahkan watak manusia dari sifat kebinatangan kepada kemalaikatan. Mempunyai kekuatan dalam menghadapi kesusahan hidup dan kesedihannya. Ia mendorong seseorang untuk terus beramal dan mengeluarkan produk yang istimewa, menyumbang kebaikan dalam kehidupan secara berterusan dan tidak terhenti, malah sentiasa mara ke hadapan tanpa mundur kebelakang.

Jika seseorang itu berfikiran kritis serta matang maka sudah tentu dapat membantu untuk kesejahteraan dan keharmonian keluarga. Pasangan suami isteri masing-masing saling berfikiran kritis terhadap satu sama lain dalam melakukan sesuatu. Sikap seperti ini sudah tentu akan menghasilkan kerjaya yang baik terhadap keluarga, lebih-lebih lagi untuk menggapai keharmonian keluarga itu. Benarlah akidah dapat memberi kesan terhadap kerukunan kehidupan berkeluarga.

7. Kepentingan Berdialog

Para muslimin keluar dari semenanjung Tanah Arab membawa kitab Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW serta fikiran mereka yang telah diasuh dan dididik oleh Rasulullah SAW. Maka mereka berdakwah kepada penduduk di satu-satu tempat dengan hikmah dan nasihat yang baik serta bertolak ansur. Mereka tidak menggunakan kekerasan, untuk memaksa mereka memeluk agama Islam. Bahkan mereka berdialog di antara mereka dengan baik.

Allah SWT menyuruh umat manusia supaya berdialog dengan baik. Ini jelas dilihat dari firman Allah SWT:

وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Terjemahan: Dan berbantahlah mereka dengan cara yang baik.

Al-Nahl 16:125

Berbantah hampir sama dengan berdialog yang mana kedua-duanya saling memerlukan cara yang baik. Jika sikap suka berdialog, atau berbantah dengan cara yang baik atau beradab dapat direalisasikan ke dalam rumahtangga, sudah tentu akan menjadikan keluarga itu penuh dengan kerukunan, keharmonian, ketenangan dan pasangan suami isteri akan saling menghormati di antara satu sama lain. Saling redha meredhai di antara satu sama lain yang mana seterusnya mendapat keberkatan serta keredhaan dari Allah SWT semata-mata. Apakah lagi sesuatu yang lebih bernilai dan istimewa di dunia ini berbanding dengan mencapai keredhaan Allah SWT?

8. Berukhuwwah dan Pertolongan

Jika seseorang Islam itu membiasakan diri dengan apa yang didatangkan oleh al-Qur'an serta melaksanakan dalam kehidupan mereka dengan baik, maka terciptalah suatu budi pekerti atau akhlak dalam bergaul sesama masyarakat dengan berasaskan kepada asas akidah yang *sahih*. Dengan ini, lahirlah perasaan yang lemah lembut terhadap satu sama lain, menghormati sesama manusia, tidak melakukan sesuatu yang dapat menyakiti atau menyedihkan sahabatnya. Tidak melakukan suatu yang dapat menjatuhkan maruah seseorang. Atau menahan dan menyekat kebebasan seseorang. Selanjutnya, jadilah mereka bersaudara, berkasih sayang, dan berlemah lembut, bersimpati terhadap yang

lain, menderita dengan penderitaan orang lain. Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

Terjemahan: Sesungguhnya orang mukmin adalah bersaudara.

Al-Ḥujurāt 49:10

Ketika mentafsirkan ayat ini Ibn Kathīr berkata:¹⁸ “Semua manusia adalah saudara dalam agama.”

‘Alī al-Ṣābūnī juga berkata:¹⁹ “tidak dikatakan mukmin itu kecuali persaudaraan yang dapat mengumpulkan di antara mereka suatu ikatan iman, dan tidak patut berlaku di antara mereka, permusuhan dan perseteruan serta tidak boleh memarahi dan membunuh antara satu sama lain.”

Ahli tafsir berkata: “Kalimah ‘إِنَّمَا’ digunakan untuk menyekat, seperti dikatakan: tidak ada persaudaraan kecuali di antara para mukminin sahaja, dengan ini tidak ada persaudaraan di antara orang mukmin dan kafir sama sekali.”²⁰

Dengan ini jelas bahawa persaudaraan dalam Islam lebih kuat daripada persaudaraan dari segi nasab dan keturunan, tidak dapat dikatakan persaudaraan pada nasab jika tidak berukhuwwah atau bersaudara dalam Islam. Sungguh besar ertinya persaudaraan dari segi agama kerana Islam itu sendiri sentiasa mengajak manusia untuk melakukan kebaikan.

Bertitik tolak daripada persaudaraan, maka, lahirlah sifat tolong-menolong di antara satu sama lain, berkongsi gembira dan sedih, tidak melampaui batas serta berlaku zalim, memberi mereka yang mempunyai hak akan haknya, tidak menzalimi dan menyakitinya bahkan tolong-menolong, lemah lembut serta berkasihan belas terhadap satu sama lain. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “*Seumpama para mukminin pada kasih sayang mereka, kasihan belas mereka, kerahiman mereka, seperti satu anggota bila mengadu salah satu anggotanya menjadikan sekalian anggota yang lain berjaga malam dan demam.*”

¹⁸ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 4:254

¹⁹ Al-Ṣābūnī, *Ṣafhat al-Tafsīr*, 21.

²⁰ Al-Ṣābūnī, *Ṣafhat al-Tafsīr*, 21

Begitu pentingnya berukhuwwah di antara sesama manusia. Lebih-lebih lagi dalam kehidupan keluarga jika perasaan ini dapat diterapkan dalam kehidupan keluarga maka keluarga yang dibangun itu akan mencapai ketenangan serta lahir perasaan keharmonian dan kesejahteraan sentiasa.

Penutup

Keluarga merupakan suatu unit daripada masyarakat. Ia akan menjadi baik jika asas pembentukannya berteraskan kepada akidah yang *sahih*. Akidah yang *sahih* dapat memberikan kesan positif terhadap kehidupan keluarga dan melahirkan ketenangan, kerukunan dan ketenteraman hidup. Dengan ini boleh dikatakan bahawa akidah merupakan suatu tunggak yang penting dalam kehidupan manusia, malah kehidupan berkeluarga. Justeru itu umat Islam hendaklah mengutamakan akidah dalam segala pekerjaan di dunia. Ia sejajar dengan saranan Rasulullah SAW. terhadap umatnya supaya mengenali Allah SWT terlebih dahulu dari melakukan segala pekerjaan di dunia ini.

Bibliografi

- Al-Qur'ān al-Karīm.
- Al-Hamad, Muḥammad bin Ibrāhīm. *'Aqīdah ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Riyadh: Dār Ibn Khuzaymah, 1998.
- Al-Munjarah, al-Mahdī. *Al-Ḥarb al-Haḍāriyyah al-Ūlā*. Casablanca: Manshūrāt 'Uyūn al-Maqālāt, 1991.
- Al-Munazzamā al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm. *Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Larousse.tp., 1989.
- Al-Qurṭubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣarī. *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān al-Karīm*. Jil. ke-6. Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, 1966.
- Al-Ṣābūnī, Muḥammad 'Alī. *Ṣafwat al-Tafāsīr*. Jil. ke-2. Cairo: Dār al-Ṣābūnī, 1997.
- Al-Zamakhsharī, Maḥmūd bin 'Umar bin Muḥammad. *Tafsīr al-Kashshāf*. Jil. 1. Cairo: Maktabah al-Halabī, 1972.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. *Al-Urah al-Muslimah fī al-'Ālam al-Mu'āṣir*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, 2000.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. *Peranan Akidah Dalam Pembangunan Tamadun Ummah*. Prosiding Seminar Tamadun

- Islam tentang pembangunan modal insan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006.
- Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Jil. ke-4. Beirut: Dār al-Fikr, 1992.
- Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukarram bin ‘Alī. *Lisān al-‘Arab*. Jil. ke-4. Beirut: Dār Ṣādir, 1997.
- Jama‘ah al-Shabāb al-Islām. *La Ilaha Illallāh: Minhaj wa Ḥayāh*. Cairo: Dār al-Anṣar, t.t..
- Muḥammad Shāmat. *Al-Islām Dīn wa Dunyā*. Cairo: t.p., 1988.
- Sābiq, Al-Sayyid. *Al-Aqā'id al-Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1983.